

Headline	Kerosakan pencawang punca gangguan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	07 Sep 2018	Language	Malay
Circulation	69,985	Readership	209,955
Section	Nasional	Page No	58
ArticleSize	424 cm ²	Journalist	Mohd Fahmi Mohd
PR Value	RM 43,847		



JOHOR BAHRU BERGELAP 6 JAM

Kerosakan pencawang punca gangguan

➔ 10,000
pengguna sekitar
Johor Bahru,
Tampoi, Tebrau
terjejas bekalan
elektrik terputus

**Oleh Mohd Fahmi
Mohd Yusof**
mohdfahmi@nstp.com.my

► **Johor Bahru**

Gangguan bekalan elektrik di sekitar Johor Bahru, Tampoi dan sebahagian kawasan Tebrau yang berlaku sejak tengah hari semalam berpunca daripada kerosakan Pencawang masuk Utama 132/33 kV Johor Bahru City Center (JBCC).

Pengurus Besar (Perkhidmatan Pelanggan) Tenaga Nasional (TNB)

Headline	Kerosakan pencawang punca gangguan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	07 Sep 2018	Language	Malay
Circulation	69,985	Readership	209,955
Section	Nasional	Page No	58
ArticleSize	424 cm ²	Journalist	Mohd Fahmi Mohd
PR Value	RM 43,847		



Pengguna jalan raya di Johor Bahru terperangkap dalam kesesakan apabila hampir semua lampu isyarat rosak akibat tiada bekalan elektrik, semalam.



Bekalan pulih 95 peratus pada jam 7.15 malam, sebelum pulih sepenuhnya pada jam 7.40 malam tadi”

Baderul Sham Saad,
Pengurus Besar (Perkhidmatan Pelanggan) TNB Johor

Johor, Datuk Baderul Sham Saad, berkata kira-kira 10,000 pengguna yang terjejas apabila bekalan elektrik terputus hampir enam jam.

Katanya, beberapa kawasan kritikal seperti Hospital Sultanah Aminah (HSA) dilaporkan tidak terjejas ekoran insiden gangguan bekalan elektrik berkenaan.

Terperangkap kesesakan

“Bagaimanapun, bekalan pulih 95 peratus pada jam 7.15 malam, sebelum pulih sepenuhnya pada jam 7.40 malam tadi,” katanya ketika dihubungi NSTP, di sini, semalam.

Tengah hari semalam, beribu-ribu pengguna jalan raya di bandar raya ini terperangkap dalam kesesakan apabila hampir semua lampu isyarat tiba-tiba rosak akibat tiada bekalan elektrik.

Gangguan terbabit berlaku kira-kira pada jam 1 tengah hari ketika kebanyakan orang ramai mengambil anak pulang dari sekolah atau berehat untuk makan tengah hari.

Bagaimanapun, hanya satu kes terperangkap di dalam lif dilaporkan, namun tiada sebarang kecederaan.